

# Pilihan raya

BH 30 AUG 2001

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pilihan raya negeri Sarawak akan diadakan bulan depan tetapi tarikhnya belum diketahui.

Perdana Menteri berkata, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang menemuinya di sini semalam, memberikan bayangan itu.

Bagaimanapun Abdul Taib masih belum menetapkan tarikh sebenar

“Dia (Abdul Taib) dah memberi bayangan mengenai bila nak diadakan pilihan raya...dalam bulan September tetapi tarikhnya kita tak tahu,” katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri per-

himpunan Persatuan-persatuan Cina Se-Malaysia di Padang Besar, Sekolah Menengah Putrajaya, Presint 8 di sini petang ini.

Beliau ditanya mengenai pertemuannya selama kira-kira sejam dengan Ketua

## Sarawak September

Menteri Sarawak di pejabat Perdana Menteri semalam.

Sumber berkata, Abdul Taib mendapatkan pandangan dan nasihat Perdana Menteri mengenai senarai calon yang dikemukakan oleh parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri.

Menurut sumber itu, Abdul Taib dijangka mengemukakan pandangan Dr Mahathir itu dalam me-

syuarat BN negeri di ibu pejabat Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di Kuching petang esok.

Pilihan raya negeri Sarawak ketujuh diadakan pada 7 dan 8 September 1996 dan tempoh lima tahun penggal Dewan Undangan Negeri (DUN) sekarang akan berakhir 18 November ini.

Empat daripada tujuh pilihan raya Sarawak sejak 1969 diadakan pada

September. Pilihan raya negeri kedua diadakan pada September 1974; ketiga (September 1983); dan keenam (27 hingga 28 September 1991).

BN kini menguasai 57 daripada 62 kerusi DUN Sarawak. Daripada jumlah itu, 29 diwakili PBB, 14 Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), lapan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan tujuh Parti Kebangsaan (SNAP).

Dalam temuramah eksklusif dengan Berita Harian baru-baru ini, Abdul Taib ketika ditanya mengenai pilihan raya negeri, membayangkan ia akan diadakan dalam tempoh kira-kira sebulan setengah daripada sekarang.

“Boleh jadi lebih kurang sebulan lebih lagi,” katanya tetapi tidak menyatakan tarikh khusus kerana ia adalah urusan Suruhanjaya Pilihan Raya.